



SIARAN AKHBAR
7 May 2009

Pesakit Kanser Payu Dara Mencabar Diri dengan Pertandingan Sebenar

Tidak lama selepas kejayaan *Penang Channel Challenge* di mana sekumpulan pesakit payu dara mencabar diri dengan mengayuh merentasi selat sejauh 3.8km dari Butterworth ke Pulau Pinang, kumpulan wanita yang sama ini berazam untuk bertanding di Pesta Perahu Naga Antarabangsa yang Pertama dari 5 ke 7 Jun 2009.

Sekumpulan wanita ini yang menggelarkan diri Pink Challengers akan menyertai beberapa pertandingan selain daripada pertandingan bekas pesakit kanser payu dara, dan antara satunya adalah maraton 2000m wanita. Mereka berikhtiar untuk mengayuh demi kekuatan (Courage), keberanian (Strength) dan perubahan (Change)- untuk mengubah sikap dan pemikiran orang ramai bahawa kanser payu dara bukan hukuman maut. Sebaliknya, seseorang masih mampu hidup dengan aktif selepas kanser payu dara. Oleh itu, penyertaan pertandingan ini bertujuan membuktikan bahawa dengan pengesanan awal dan rawatan perubatan yang tepat masa, bekas pesakit kanser payu dara masih boleh kembali ke cara penghidupan yang normal dan aktif.

“Menang dan kalah bukanlah motif utama kami. Sebaliknya, kami lebih tertumpu mendapatkan ahli Pink Challengers dan bekas pesakit kanser payu dara yang lain untuk mencapai misi yang sama iaitu membuktikan dan mendidik orang ramai bahawa kanser payu dara bukan hukuman maut,” kata Wong Mee Yee, selaku Kapten Pasukan Pink Challengers, yang turut memainkan peranan dalam mendapatkan perahu naga bekas pesakit kanser payu dara yang lain untuk menyertai pertandingan tersebut. “Ini adalah kali pertama kami akan menyertai maraton 2000m wanita tetapi kami yakin kami boleh dengan latihan mantap yang kami terima,” tambah Mee Yee.

Pertandingan bekas pesakit kanser payu dara ini akan diakhiri dengan upacara “*flowers-on-the-water*” yang akan dijalankan oleh Pink Challengers dan perahu naga bekas pesakit kanser payu dara yang lain. Dalam upacara ini, “*moment of silence*” akan diadakan sebelum bunga dicampak ke dalam air untuk memperingati wanita-wanita lain yang juga didiagnos dengan kanser payu dara yang telah berjuang sampai akhir hayat atau mereka yang masih berjuang dengan kanser payu dara.

Pink Challengers merupakan satu pasukan perahu naga dari Persatuan Kebajikan Kanser Payu Dara di mana ahlinya terdiri daripada bekas pesakit kanser payu dara. Pasukan ini ditubuhkan pada March 2005 dan telah mengambil bahagian dalam pelbagai acara, antaranya Pesta Tahunan Antarabangsa Perahu Naga Pulau Pinang (*Penang International Dragon Boat Festival*), Pertandingan Perahu Naga Sabah di Kota Kinabalu, Sava Sprints di Singapura dan beberapa pertandingan tempatan di Putrajaya, Kuala Lumpur. Pink Challengers juga giat dalam aktiviti kesedaran kanser payu dara dengan mengajurkan pelbagai acara yang unik seperti “Bum on Bikes” di mana mereka menjadi penunggang motorsikal Harley Davidson dari Kuala Lumpur ke Melaka dan Penang Channel Challenge di mana mereka mencabar laut yang bergelora.

Mereka yang berminat untuk memperolehi maklumat lanjut untuk acara ini boleh menghubungi BCWA di 03-7954 9013 atau emel meeyee@bcwa.org.my .

* * * * *

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Ms. Wong Mee Yee
Persatuan Kebajikan Kanser Payu Dara Wilayah Persekutuan dan Selangor
5th Floor, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
16 Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: +603-7954 0133 Fax: +603-7954 0122
E-mail: info@bcwa.org.my